

### 1. Sistem GST akan ditambahbaik



*KETUA Pengarah Kastam Malaysia, Datuk Seri Khazali Ahmad memeriksa perbarisan ketika hadir pada Majlis Penutupan Kursus Asas Pembantu Penguin Kastam Gred W17 Siri 1/2016 di Dewan Tun Tan Siew Sin, Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) Jalan Penghulu Abbas, Bukit Baru, Melaka. - Foto Rasul Azli Samad*

MELAKA: Sistem pembayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan diberi penambahbaikan pada tahun kedua pelaksanaannya, bermula hari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri Khazali Ahmad, berkata langkah itu termasuk meningkatkan lagi hubungan komunikasi dan kerjasama antara pihak jabatan dengan pembayar cukai seperti peniaga dan pengguna.

Selain itu, katanya, jabatan berkenaan akan kerap turun padang untuk bertemu pembayar cukai sebagai usaha mendapat input dan maklum balas mengenai GST.

"Penambahbaikan ini adalah dari segi kita mahu pastikan kelewatan dalam pembayaran balik input cukai kredit kepada peniaga dapat dipercepatkan, tetapi ia memerlukan kerjasama antara kedua-dua pihak.

"Kadang-kadang apabila kita hubungi mereka (peniaga), panggilan, emel dan surat tidak dijawab, jadi ia akan membawa kepada kelewatan. Dengan pendekatan baharu ini, kita akan turun padang bagi mengenal pasti apakah punca masalah masalah itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penutupan Kursus Asas Pembantu Penguin Kastam Gred W17 di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Bukit Baru, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Khazali menyampaikan sijil pelantikan kepada 255 anggota yang tamat menjalani kursus asas selama dua bulan di akademi itu.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Perkastaman dan GST), Datuk T Subromaniam dan Pengarah AKMAL, Azimah Abd Hamid.



Isnin, 4 April 2016

## 2. PM umum 5 langkah majukan MARA



*PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyampaikan ucaptama ketika hadir di Majlis Sempena 50 Tahun MARA di Premiera Hotel. - Foto Yazit Razali*

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengumumkan lima langkah persediaan untuk mengukuhkan lagi Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi menghadapi cabaran untuk 50 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, pertama semua anak syarikat MARA akan distruktur semula dan diletakkan di bawah satu syarikat dikenali sebagai MARA Corporation dengan modal berbayar RM1.4 bilion.

"Pengstrukturran ini tanpa peruntukan tambahan daripada kerajaan dan dilaksanakan bagi membolehkan pengurusan dan tadbir urus anak syarikat MARA lebih teratur dan kemas," katanya berucap merasmikan sambutan 50 tahun MARA di Hotel Premiera di sini hari ini.

Najib turut mengumumkan penubuhan Rural Capital Berhad syarikat yang memberi khidmat pembiayaan kewangan dan bantuan serta nasihat keusahawanan kepada usahawan Melayu dan Bumiputera.

Katanya, bagi pembangunan insan pula MARA akan mempunyai satu lagi universiti dikenali sebagai UniMARA yang menawarkan kursus bukan berdasarkan teknikal dan vokasional (Tvet).

"MARA kini ada UniKL yang menawarkan kursus Tvet. Dengan adanya universiti MARA dapat memberi peluang lebih ramai melanjutkan pelajaran dalam bidang bukan Tvet.

"MARA juga akan terus memberi pembiayaan untuk pelajar sedia ada meneruskan pengajian dan bantuan untuk pelajar melanjutkan pelajaran. Keutamaan untuk pelajar menuntut di universiti tempatan," katanya.

Najib berkata, Yayasan Pelajaran MARA (YPM) akan diubah kepada Yayasan MARA bagi membolehkan yayasan itu meluaskan bantuannya dan tidak hanya tertumpu kepada pelajaran saja.

"Yayasan MARA boleh menghulurkan bantuan kebajikan lain seperti bantuan bencana alam. Untuk itu yayasan ini diberikan dana sebanyak RM800 juta," katanya.

Akhir sekali, katanya, sebagai simbol kewujudan 50 tahun MARA yang menyumbang banyak kepada orang Melayu dan Bumiputera maka Jalan Semarang antara Kompleks Pertama dan Medan MARA ditukar kepada Jalan MARA

**3. 50 pegawai pegang jawatan sensitif akan ditukar - KSN**

*Tan Sri Dr Ali Hamsa*

PUTRAJAYA: Seramai 50 pegawai yang menyandang jawatan sensitif di pelbagai kementerian akan ditukarkan sama ada secara dalaman atau ke kementerian lain bermula bulan ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata pegawai berkenaan sudah pun dikenal pasti dan berkhidmat lebih lima tahun di bahagian kementerian termasuk kewangan, perolehan dan kontrak.

"Pegawai yang terbabit bukan disyaki melakukan kesalahan sebaliknya pertukaran dibuat berdasarkan pekeliling sedia ada bagi mengelakkan berlakunya ketirisan."

"Kita tidak mahu kejadian seperti yang berlaku di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) baru-baru ini berulang," katanya kepada media selepas Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Bintang Indeks Penarafan Bintang Agensi Sektor Awam 2015-2016 di sini, hari ini.

Sementara itu, Ali berkata, pihaknya akan menerima laporan siasatan audit berhubung kes salah guna kuasa pegawai kanan KBS daripada Jabatan Audit Negara pada akhir bulan ini.

Isnin, 4 April 2016

**4. 1MDB tiada hutang tertunggak - PM**

*PERDANA MENTERI, DATUK SERI NAJIB RAZAK. - FOTO REUTERS*

KUALA LUMPUR: Syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mempunyai hutang tertunggak pada ketika ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"1MDB tidak pernah gagal dalam melunaskan segala hutangnya, termasuk pembayaran faedah pinjaman," katanya dalam jawapan bertulis di sidang Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Hanipa Maidin (PAN-Sepang) kepada Menteri Kewangan berhubung jumlah hutang tertunggak 1MDB ketika ini dan jumlah hutang syarikat itu yang dijamin kerajaan.

Menjawab soalan kedua Hanipa, Najib berkata jumlah hutang 1MDB yang diberi jaminan kerajaan adalah sebanyak RM5.8 bilion.

Selasa, 5 April 2016

**5. Laporan 1MDB siap, dijangka dibentang Khamis - PAC**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sudah menyiapkan sepenuhnya Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Naib Pengerusi PAC, Dr Tan Seng Giaw, berkata laporan itu disifatkan sebagai sudah muktamad dan tiada lagi sebarang proses panggilan atau prosiding tambahan akan dilaksanakan.

Katanya, PAC berhasrat untuk membentangkan laporan yang membabitkan beberapa siri prosiding bermula sejak Mei 2015 itu di Dewan Rakyat pada Khamis ini.

"PAC memang berhasrat untuk membentangkan laporan audit 1MDB secepat mungkin, namun ia terpulang kepada proses percetakan serta beberapa perkara lain, selain jika ada pindaan pada saat akhir.

"Semalam,PAC bersidang sehingga jam 9 malam untuk menyiapkan laporan ini dan jika tiada lagi pindaan atau kecemasan, ia akan dibentangkan Khamis ini," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Sebelum ini, PAC dilaporkan bercadang membentangkan laporan akhir pengauditan terhadap 1MDB di Dewan Rakyat pada sesi Mac hingga April selepas ia meneliti laporan yang dibentangkan oleh Ketua Audit Negara kepada jawatankuasa itu.



Rabu, 6 April 2016

## 6. DEB, MEB beza polisi tingkat ekonomi negara

FAKTA sejarah dan banyak kajian ilmiah jelas menunjukkan bahawa kemajuan ekonomi antara faktor utama memacu perkembangan sesebuah negara mahupun komuniti. Ekonomi yang lemah akan lebih mudah mendedahkan sesebuah negara kepada ancaman luar dan kekacauan dalaman.

Namun, perkembangan ekonomi negara harus selaras dengan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama. Dari segi ini, Malaysia adalah negara terulung, mengamalkan dasar 'growth with equity' atau 'Pembangunan dengan Kesaksamaan.'

Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua pada 1971 oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein mempunyai matlamat suci iaitu perpaduan nasional. Matlamat ini hendak dicapai melalui pembasmian kemiskinan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Biarpun banyak kritikan dilemparkan ke atas DEB, banyak kajian ilmiah menunjukkan kejayaan dan jasanya. Bagi penulis, antara kejayaan besar DEB adalah kewujudan kelas menengah dan kelas menengah atas dalam kalangan Bumiputera yang begitu ramai.

Namun kewujudan kelas menengah tidak cukup untuk mengimbangi penguasaan ekonomi dalam negara yang masih dipegang oleh golongan peniaga dan pemilik konglomerat perniagaan.

## **Kejayaan DEB**

Secara jujur, DEB berjaya memulakan gerak ke arah perwujudan keadilan ekonomi di Malaysia apabila kadar kemiskinan negara dikurangkan kepada 17.1 peratus pada 1990 berbanding 49.3 peratus pada 1970. Kadar Kemiskinan pada 2014 pula turun kepada tahap 0.6 peratus saja.

Ketika DEB mula dilaksana, kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu berada pada paras 64.8 peratus. Profesional Melayu ketika itu hanya 4.9 peratus (225 orang) berbanding bukan Melayu, 84.3 peratus (3,859 orang). Pada 1995, profesional Melayu meningkat kepada 31.1 peratus, manakala kaum Cina, 52.4 peratus. Pada akhir 2002 pula, profesional Melayu secara puratanya meningkat kepada 39 peratus dan 42.5 peratus pada 2008.

Umat Islam secara 'de facto,' ramai tergolong dalam pengelasan Bumiputera, walaupun tidak semua Bumiputera beragama Islam dan tidak semua yang beragama Islam itu Melayu atau Bumiputera. Sungguhpun demikian, DEB secara tidak langsung, adalah perancangan strategik pembangunan ekonomi bagi sebahagian terbesar daripada umat Islam di negara ini.

Selepas penamatan DEB, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) diperkenal pada tahun 1991 hingga 2000 dengan sedikit sebanyak masih meneruskan beberapa dasar utama DEB.

Malaysia tidak ada memperkenalkan apa-apa dasar ekonomi utama selepas DEB tamat kecuali meneruskan polisi atau dasar DEB melalui DPN, sehingga Perdana Menteri ketika ini, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pelaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB) pada Mac 2010.

### **MEB tingkat pendapatan negara**

MEB berteraskan kepada peningkatan produktiviti pekerja bertujuan membantu mereka meningkatkan pendapatan bagi merealisasikan matlamat menjadi negara berpendapatan tinggi.

Sejak penamatan DEB dan apabila MEB diperkenal, tidak ada lagi perancangan ekonomi yang memberi tumpuan kepada perkembangan ekonomi umat Islam, baik secara langsung maupun tidak langsung.

Hari ini kita tahu kerajaan Malaysia banyak mempromosi pelbagai bentuk ekonomi Islam, sama ada bentuk kewangan Islam atau produk halal, yang berjaya meletak nama Malaysia pada tahap yang baik pada peringkat dunia.

Namun, apabila diteliti segala data yang berkaitan dengan ekonomi Islam yang menjadi sebahagian ukuran kejayaan Malaysia pada hari ini, ia tidak melambangkan ekonomi umat Islam. Malah ekonomi Islam, jika dilihat dari sudut semua aktiviti ekonomi negara yang dilabel sebagai patuh syariah atau dicop halal, ia tidak hanya berkait dengan umat Islam.

### **Produk halal milik bukan Islam**

Malah, data dalam niaga kewangan Islam dan produk halal menunjukkan ia jauh lebih banyak dimiliki atau diusahakan oleh bukan Muslim. Maksudnya, ekonomi Islam negara ini tidak dikuasai oleh orang Islam.

Keadaan ini seharusnya tidak menggembirakan umat Islam, kerana pandangan dan persepsi dunia luar, malah ramai pada kalangan umat Islam Malaysia sendiri berasa bahawa mereka mempunyai daya kawal ekonomi yang baik bila dilihat kepada jumlah nilai niaga dan ekonomi yang dilabel sebagai ekonomi Islam.

Ia adalah persepsi yang tidak benar dan rasa yang boleh menipu diri sendiri. Malah dalam keadaan tertentu, ada kemungkinan kekuatan ekonomi yang berdasarkan Islam ini boleh disalahgunakan terhadap umat Islam itu sendiri.

Nilai niaga makanan halal di dunia berjumlah sekitar AS\$\$2.77 trillion (RM10.52 trillion) setahun, manakala nilai eksport produk halal dari Malaysia mencecah RM37.7 bilion setahun (KPE Martrade, 25 Nov 2015).

Petunjuk ini memberi gambaran kuasa beli umat Islam seluruh dunia. Sayangnya, peratus besar niaga itu dimiliki dan dikawal orang bukan Islam. Daripada RM37.7 bilion eksport halal Malaysia itu, tidak sampai 10 peratus dimiliki oleh orang Islam.

Malaysia juga berbangga dengan aset Perbankan Islam pada 2007 mencapai jumlah AS\$\$65.6 bilion (RM255.7 bilion), dengan pengembangan tahunan pada kadar 18 hingga 20 peratus (Bank Negara). Namun kita tahu, peratus besar daripada jumlah ini tidak dalam penguasaan orang Islam.



Khamis, 7 April 2016

#### **7. Tak perlu sidang khas bahas laporan PAC-1MDB - Pandikar**

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen boleh mengutarakan isu berbangkit mengenai laporan akhir Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berkaitan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) pada persidangan Dewan Rakyat akan datang.

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia, berkata seperti juga laporan Ketua Audit Negara, mana-mana Ahli Parlimen yang tidak berpuas hati terhadap laporan boleh membangkitkannya dalam persidangan akan datang memandangkan sesi sidang kali ini berakhir hari ini.

Dewan Rakyat dijadual bersidang lagi pada 16 Mei depan.

"PAC telah jalankan tugas mereka, jadi kini terserah kepada majlis (anggota Parlimen) untuk mempertimbangkan apa yang telah dilaporkan.

"Itu cuma dia (PAC) bentang. Kalau ada MP nak bangkit isu mereka boleh bangkit di persidangan akan datang, tidak semestinya pada persidangan ini," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

PAC hari ini membentangkan Laporan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB di Dewan Rakyat.

Ditanya apakah perlu satu persidangan khas untuk membahaskan laporan berkenaan, Pandikar Amin berkata ia tidak perlu.

"Tidak wujud perkara seperti perbahasan khas. Perbahasan khas di bawah peraturan 18. Ini merupakan perkara yang sedang berlaku. Bila PAC dah bentang, sesiapa sahaja boleh buat kenyataan dan diberitakan, dan ia tidak menyalahi undang-undang," katanya. - BERNAMA



Khamis, 7 April 2016

#### 8. Siasat bekas CEO 1MDB – PAC



*BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.*

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) meminta pihak berkuasa supaya menyiasat bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Bhd (1MDB) Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan pihak yang berkaitan.

Mengikut PAC, Shahrol Azral perlu bertanggungjawab terhadap kelemahan dankekangan dalam pengurusan syarikat pelaburan strategik milik kerajaan itu.

Sebelum ini, PAC sudah memanggil Shahrol Azral untuk memberi taklimat dan penjelasan pada 25 dan 30 November 2015.

Sementara itu, Pengerusi PAC Datuk Hasan Arifin, dalam kenyataannya, menyarankan pihak penguasa perlu membuat siasatan lanjut dan, mengambil tindakan undang-undang sekiranya wujud kesalahan.

PAC dalam laporan itu seterusnya mengesyorkan supaya Lembaga Penasihat 1MDB dimansuhkan berserta Artikel 117 dalam Memorandum dan artikel syarikat itu.

"Segala rujukan kepada YAB Perdana Menteri perlu ditukar kepada Menteri Kewangan, selaras dengan peruntukan syarikat lain kepunyaan MKD (Menteri Kewangan Diperbadankan)," mengikut jawatankuasa Parlimen itu dalam Laporan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB, yang diedarkan di Parlimen di sini hari ini.

Laporan itu turut dimuat naik di laman web Parlimen [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my).

Artikel 117 di bawah memorandum dan artikel 1MDB antara lain menetapkan semua keputusan mengenai lantikan dan pemecatan pengurusan atasan 1MDB, serta sebarang komitmen kewangan termasuk keputusan pelaburan 1MDB boleh mempunyai kesan kepada jaminan kerajaan Persekutuan perlulah mendapat kelulusan bertulis Perdana Menteri.

Dalam laporannya, PAC mendapati pengurusan 1MDB beberapa kali tidak mematuhi keputusan dan arahan Lembaga Pengarah atau pun bertindak sebelum kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah.

"Terdapat beberapa pelaburan dan pinjaman besar yang dibuat tanpa penilaian terperinci (termasuk penelitian impak terhadap aliran tunai syarikat) dan beberapa keputusan besar telah dibuat melalui resolusi bertulis," menurut laporan itu.

PAC juga berpendapat, penggunaan hutang yang berlebihan di dalam struktur modal tidak boleh dibenarkan sama sekali, lebih-lebih lagi apabila aliran tunai syarikat tidak mencukupi.

Ia juga menyarankan kawal selia yang lebih rapi oleh lembaga pengarah termasuk mempersoalkan harga belian aset dan kos hutang.

Bagaimanapun, PAC mendapati kerajaan sudah mengambil langkah serta merta untuk memperbaiki masalah aliran tunai syarikat yang mula timbul pada November 2014.

Pengurusan tertinggi baharu 1MDB telah dibawa masuk selepas itu, sebelum pelan rasionalisasi dibentangkan kepada Kabinet pada 29 Mei 2015. - BERNAMA



Khamis, 7 April 2016

### 9. Memperkasa Jabatan Audit Negara



DALAM beberapa hari lagi, kita sekali lagi akan dihidangkan dengan berita menarik yang 'agak panas' hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Sabtu tahun apabila laporan audit dikeluarkan, banyak pihak mengeluh kerana sabtu tahun juga ada sahaja kes ketirisan yang dilaporkan. Laporan Ketua Audit Negara disediakan bagi membantu Kerajaan Persekutuan, badan berkanun dan kerajaan negeri membuat penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan.

Seperti lazimnya, LKAN akan dibentangkan di Parlimen. Sejak dua tahun kebelakangan ini, laporan ini dibentangkan tiga kali setahun, mengikut tempoh sidang Parlimen. Ini bermakna laporan audit adalah lebih 'semasa'.

Mengambil kira satu isu yang menarik baru-baru ini, dilaporkan kemungkinan kerajaan rugi sekitar RM107 juta atau lebih akibat kerja songlap wang kerajaan oleh pihak dan sindiket tertentu. Pendedahan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sungguh mengejutkan. Tindak-tanduk pihak tertentu di sebuah kementerian tidak dikesan untuk satu tempoh yang agak lama, melebihi lima tahun.

Malangnya, baru-baru ini bekas Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian Belia dan Sukan dituduh di mahkamah atas 32 tuduhan rasuah dan penipuan yang membabitkan RM38.471 juta. Oleh itu, sudah pasti Laporan Ketua Audit Negara kali ini juga dinantikan oleh rakyat, khususnya dalam kalangan Ahli Parlimen dan wakil komuniti yang sentiasa 'dahagakan' laporan yang dipanggil Laporan Ketua Audit Negara.

### **Tiga jenis pengauditan setiap tahun**

Pada dasarnya, setiap tahun Jabatan Audit Negara (JAN) menjalankan tiga jenis pengauditan, iaitu pengauditan pengesahan penyata kewangan, pengauditan prestasi dan pengauditan pematuhan. Tujuannya untuk menilai sejauh mana kesempurnaan penyediaan akaun dan pelbagai aktiviti serta projek kerajaan dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti atau projek itu dilaksanakan.

Selain itu, ia bagi menilai sejauh mana wang awam dibelanjakan dengan berhemat tanpa pemborosan dan pembaziran serta mendapat nilai faedah terbaik bagi perbelanjaan yang dibuat. Pun begitu, kita tidak manafikan ada penambahbaikan dalam pengurusan kewangan susulan pengauditan rapi yang dibuat oleh JAN. Bagaimanapun, sudah tiba masanya pendekatan sedia ada perlu dilihat semula supaya ia lebih berkesan.

Jika perlu Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 dipinda untuk memberi kuasa tambahan kepada JAN. Begitu juga bajet bagi Jabatan Audit Negara dalam memastikan tugas dan fungsinya dikendalikan dengan berkesan. Sepatutnya, JAN diberi kuasa untuk mengambil tindakan proaktif apabila mengesan sesuatu projek mempunyai unsur rasuah. Tidak perlu menunggu sehingga Laporan Ketua Audit Negara dibawa ke Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Untuk itu, dicadangkan JAN diberi kuasa penuh melaksanakan 'early audit' kepada semua projek yang membabitkan perbelanjaan besar.

Semua projek, program dan aktiviti perlu difikir dengan mendalam dan dilaksanakan secara menyeluruh demi mengelak ketirisan atau penyelewengan yang lebih teruk daripada terus berulang. Tukar kontraktor yang dilantik oleh pihak agensi jika perlu. Jangan berkompromi dengan pihak yang tidak senada dalam memastikan tiada ketirisan wang kerajaan.

### **Perjelas fungsi Jabatan Audit**

Jika perlu JAN boleh bertindak mengaudit setiap program kerja projek atau aktiviti dan dapat mencadangkan tindakan punitif awal hatta sehingga ke peringkat pemantauan kontraktor projek. Tindakan segera meminda Perlembagaan dan Akta Audit adalah perlu bagi mengembalikan keyakinan pelabur luar dan dalam negeri. Jabatan Audit perlu ditentukan 'bebas' dan jelas fungsinya meliputi:

Ketua Audit Negara hendaklah ditentukan bebas melaksanakan mandat dan disebut dengan jelas di dalam Perlembagaan serta Akta Audit yang baru. Boleh mengaudit apa sahaja terimaan dan bayaran

nyata atau tidak nyata, geran dan tanggungan serta apa-apa kumpulan wang termasuk kumpulan wang rahsia;

Jabatan Audit perlu diberi autonomi dalam mengurus sumber manusia, kuasa hire and fire dan mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Audit tersendiri serta memiliki modul latihan bersifat profesional;

Autonomi kewangan juga perlu ditentukan dimiliki oleh Jabatan Audit Negara supaya bajetnya terus di bawah Parlimen bagi melicinkan fungsi dan tugas pengauditan.

Selain itu, dalam melaksanakan pindaan ke atas Akta Audit Negara 1957, JAN perlu kelihatan lebih bebas dan mempunyai mandat yang lebih jelas. Agensi ini perlu diberi lebih kebebasan dalam menjalankan proses audit. Kerajaan boleh menimbangkan keperluan memperkasakan atau meningkatkan keberkesanan JAN. Perkuatkan kawalan dalaman bagi membantu mengurangkan kerugian organisasi.

Ketua jabatan khususnya ketua setiausaha kementerian perlu membantu dengan memberikan kerjasama kepada Ketua Audit Negara demi mengelak ketirisan dan penyelewengan. Akhir sekali, kita hanya perlu satu sistem yang mudah tetapi memastikan pengendalinya mempunyai integriti. Banyak masalah ketirisan dapat diatasi.



Khamis, 7 April 2016

#### **10. Sokong 1MDB laksanakan pelan rasionalisasi**

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) perlu diberi sokongan untuk melaksanakan pelan rasionalisasi bagi memastikan ia berjaya pada masa depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, berkata laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai 1MDB jelas menyatakan bahawa model atau struktur kewangan syarikat itu tidak mapan.

Katanya, jumlah hutang 1MDB setakat Januari lalu juga adalah tinggi iaitu berjumlah RM50 bilion dengan kadar faedah yang perlu dibayar sebanyak RM3.3 bilion untuk tempoh April tahun lalu hingga Mac lalu.

"Tetapi apa yang penting PAC menyebut aset dimiliki 1MDB ialah sebanyak RM53 bilion, ini bermakna terdapat lebihan aset berbanding hutang.

"Kerana itu adalah penting kita menyokong langkah pengurusan dan lembaga pengarah 1MDB dalam merasionalisasikan operasi mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran unit tambahan 1.5 bilion unit Amanah Hartanah Bumiputera, di sini sebentar tadi. Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan serta Ketua Pegawai Eksekutif Pelaburan Hartanah Bhd, Datuk Kamalul Arifin Othman.



Ahad, 10 April 2016

#### 11. Justifikasi meyakinkan laporan lengkap isu 1MDB



*1MDB wajar meneruskan usaha bermatlamatkan objektif yang asal. - Foto hiasan*

LAPORAN lengkap mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dikupas secara halus, teliti, berhemah dan berfokus dalam proses prosiding yang cukup panjang, akhirnya dibentangkan dalam Dewan Rakyat, Khamis.

Ramai sebenarnya memberi pandangan, komen, luahan, kritikan dan ada yang masih membuat tohmannan selepas laporan lengkap kawalan pengurusan tadbir urus 1MDB dibentangkan. Bertalu-talu posting dimuat naik dalam Facebook, Twitter, WhatsApp dan Telegram serta segala macam aplikasi media sosial baharu.

Isu paling panas dalam negara ini akhirnya dipersetujui secara konsensus dalam laporan komprehensif oleh 14 ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), iaitu sembilan mewakili Barisan Nasional (BN) dan lima daripada pembangkang. Laporan ini tidak sewenang-wenangnya dilaksanakan kerana objektif perbincangan PAC adalah selaras dengan mandat menurut Perkara 77

Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

Ini termasuk PAC memanggil Kementerian Kewangan sebagai pemegang saham syarikat 1MDB di hadapan jawatankuasa ini bagi menilai prestasi kewangan dan aktiviti kumpulan syarikat 1MDB sejak awal penubuhannya hingga sekarang dalam memastikan sama ada ia menepati objektif asal penubuhan syarikat ini.

### **Tumpu lima aspek**

Berdasarkan dalam laporan itu, PAC menghantar surat kepada Jabatan Audit Negara (JAN) bertarikh 27 Februari 2015. Dalam surat itu, PAC meminta JAN melaksanakan pengauditan terhadap 1MDB dengan memberi tumpuan kepada lima aspek, iaitu sumber dana kewangan berjumlah RM2 bilion yang diperoleh 1MDB dalam menjelaskan pinjamannya terhadap beberapa bank tempatan; suntikan dana kewangan baharu daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM3 bilion; perjanjian pelaburan 1MDB dalam syarikat PetroSaudi; wang hasil pelaburan 1MDB di Cayman Islands sama ada sudah dibawa balik ke Malaysia; dan perubahan firma audit antarabangsa untuk meluluskan akaun 1MDB.

Penulis yakin apa yang dilaksanakan dalam prosiding dan pencapaian yang dicapai mempunyai justifikasi cukup meyakinkan dan tidak berat sebelah, apatah lagi dalam PAC ada Ahli Parlimen pembangkang. Laporan itu menyatakan PAC sudah menjalankan 10 kali prosiding di bawah tajuk 'Pengurusan Kawalan Urus Tadbir 1MDB' dengan memanggil, antaranya Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi untuk memberi taklimat dan penjelasan; Kementerian Kewangan dan Deloitte Malaysia; Kementerian Kewangan serta mereka yang mempunyai kaitan termasuk Arul Kanda Kandasamy (Ketua Eksekutif 1MDB) untuk memberi taklimat dan penjelasan pada 1 dan 18 Disember 2015.

Ternyata imej dan reputasi PAC terjamin menerusi institusi Parlimen di mana PAC adalah jawatankuasa bi-partisan. Proses siasatan telus dengan memanggil saksi yang berkaitan serta menggunakan dokumen sokongan yang sah. Ada pihak tertentu mengesyorkan bidang kuasa PAC wajar diperluaskan, termasuk merangkumi semua syarikat awam bukan kewangan seperti PETRONAS, badan berkanun dan anak syarikatnya. Ini termasuk kuasa PAC itu boleh mengenakan surcaj atas kakitangan awam yang dibenci PAC atau Ketua Audit Negara.

### **Bidang kuasa PAC**

Kalau dilihat ketika ini, bidang kuasa PAC terhad kepada hal berkaitan kewangan membabitkan institusi diaudit oleh Ketua Audit Negara, tiada kuasa mengenakan surcaj atau mendakwa, manakala perkara yang diteliti berkenaan perbelanjaan kewangan dan bukan dasar kerajaan.

Soal ini penting kerana bidang kuasa PAC Dewan Rakyat seharusnya dikembangkan membabitkan semua syarikat awam bukan kewangan, badan berkanun dan anak syarikatnya, menurut satu kajian

menerusi kertas kerja bertajuk 'Membangunkan Badan Perundangan Yang Dipercayai: Satu Kajian Kes Di Malaysia dalam Persidangan Speaker dan Pegawai Dewan Negara Komanwel (CSPDC 2016),' awal tahun ini.

Penulis yakin menerusi beberapa perubahan yang perlu dilaksanakan akan dapat meningkatkan keberkesanan fungsi Parlimen dan wakil rakyat, termasuk untuk menjadikan Parlimen lebih diwakili. Mungkin menerusi sistem first past the post, tiada nisbah antara undi diperoleh dengan jumlah kerusi yang dimenangi dan beberapa variasi sistem perwakilan seimbang diperlukan untuk menjadikan badan perundangan lebih diwakili. Mudah-mudahan soal itu dapat difikirkan.

Malah, setiap kali PAC selesai melaksanakan prosiding dan menyiapkan laporan terhadap mana-mana kementerian atau agensi kerajaan yang hendak disiasat, lazimnya disusuli Jawatankuasa Siasatan Khas (JSK) pada peringkat kementerian bagi meneliti isu dalam setiap laporan audit yang dikenal pasti. Biasanya, kerajaan berdasarkan laporan audit akan mengeluarkan Sijil Tanpa Teguran atau Sijil Berteguran terhadap kementerian dan jabatan serta badan berkanun persekutuan.

Dalam soal isu 1MDB, jangan ada pihak tertentu terasa umpama kaca terhempas ke batu kerana 1MDB ditubuhkan sebagai syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan yang antara lain diilhamkan sebagai pemangkin pembangunan strategik untuk menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara. 1MDB wajar meneruskan usaha bermatlamatkan objektif yang asal.



Selasa, 12 April 2016

## 12. Projek pembinaan kerajaan, swasta wajib capai skor IBS 70

KUALA LUMPUR: Semua projek pembinaan kerajaan bernilai RM10 juta ke atas dan projek sektor swasta bernilai RM50 juta ke atas diwajibkan mencapai skor Sistem Bangunan Berindustri (IBS) 70.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau percaya IBS adalah masa depan kepada industri pembinaan dan sudah sampai masa industri terbabit melakukan lonjakan menerusi IBS bagi mencapai status negara maju menjelang 2020.

Beliau berkata, kaedah pembinaan IBS yang menggunakan komponen bangunan yang sudah siap sedia dibina di kilang dan hanya tinggal untuk dipasang di tapak pembinaan terbukti mampu mempercepatkan proses pembinaan sekali gus mengurangkan kos buruh.

"Dengan menggunakan IBS juga, komponen dihasilkan di persekitaran terkawal sekali gus membolehkan kita memastikan semua komponen bangunan mengikut keperluan kualiti yang ketat.

"IBS juga sistem pembinaan ideal yang dapat mempromosikan kelestarian alam sekitar yang mana mengurangkan bahan sisa buangan berbanding kaedah pembangunan konvensional," katanya dalam ucapan pada Majlis Pembukaan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Yang turut hadir Pengurus Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali dan Pengarah Urusan Perniagaan Asean UBM Asia, M Gandhi.

Mengulas lanjut, Najib berkata, IBS seharusnya menjadi kaedah pilihan di dalam industri pembinaan kerana mampu meningkatkan keselamatan pekerja dan suasana kerja dengan mengurangkan kemalangan dan kematian di tapak kerja.

Katanya, pelaksanaan IBS dalam industri pembinaan juga dapat mengurangkan bilangan buruh tidak mahir dalam negara dan tumpuan kepada pembinaan pasang siap dan modular.

Langkah itu akan menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan menyertai industri pembinaan sebagai pekerja mahir, pengendali mesin serta pemasang komponen IBS.

**13. Pegawai SPRM kena penjara 3 bulan, denda RM3,000**

*ANGGOTA polis mengiringi tertuduh keluar dari bilik Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas mengaku bersalah atas tuduhan pilihan membabitkan suapan rasuah berjumlah RM20,000. - Foto Muhammad Sulaiman*

**SHAH ALAM:** Seorang pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dihukum penjara tiga bulan dan denda RM3,000, hari ini, selepas mengaku bersalah terhadap tuduhan pilihan membabitkan suapan rasuah berjumlah RM20,000.

Hakim Mahkamah Sesyen Amran Jantan memerintahkan tertuduh, Kenny Chua Boon Meng, 35, turut dipenjara tiga bulan jika gagal membayar denda.

"Tertuduh juga diarahkan menjalankan hukuman penjara bermula dari tarikh tangkap, pada 7 April lalu," katanya.

Mengikut pertuduhan pilihan, tertuduh yang bertugas di Pejabat SPRM Putrajaya meminta suapan terbabit daripada Muhamad Fazal Sulaiman, 36, dengan memperdayakannya iaitu dengan curang mendorong mangsa menyerahkan kepadanya wang tunai berjumlah RM20,000 supaya tidak mengambil tindakan lanjut terhadap fail tohmahan terhadap mangsa iaitu fail yang tidak wujud, yang dibuka SPRM.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di dalam kereta PROTON Persona di pekarangan luar bangunan Balai Bomba dan Penyelamat, Bandar Baru Bangi, pada jam 12.55 tengah hari, 7 April lalu.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 415 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman minimum lima tahun penjara atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Heikal Ismail.



Selasa, 12 April 2016

#### 14. KWAP peruntuk RM580j beli hartanah di KL



*Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamaruzaman Wan Ahmad bercakap kepada pemberita pada Invest Malaysia 2016, di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur. - Foto Asyraf Hamzah*

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP dijangka memuktamadkan pembelian harta tanah keduanya di Malaysia dalam tempoh dua minggu lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif, Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, berkata bangunan pejabat itu terletak di kawasan Segitiga Emas KL.

Beliau berkata, pembelian harta tanah kedua itu dijangka membabitkan pertimbangan harga RM580 juta.

Beliau berkata demikian dalam temubual ekslusif bersama BH dan Business Times di Kuala Lumpur, semalam sempena Invest Malaysia 2016.

**15. KWSP unjur 1.5 juta ahli beralih kepada simpanan patuh syariah**

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjangkakan kira-kira 1.5 juta ahlinya akan menukar simpanan konvensional kepada akaun simpanan patuh syariah (EPF-i), selepas pelaksanaannya bermula Januari tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata simpanan syariah itu adalah pilihan untuk pencarum atau kekal dengan simpanan konvensional.

"Berdasarkan kajian yang kita jalankan dan maklum balas yang kami terima daripada orang ramai, setakat ini kira-kira 1.5 juta ahli akan menukar kepada EPF-i pada awal tahun depan," katanya ketika ditemui selepas sesi forum Mengapa Syariah? di persidangan Invest Malaysia 2016, hari ini.

Saiz dana permulaan EPF-i dijangka ditetapkan di antara RM80 juta kepada RM100 juta.

Sebelum ini, dilaporkan 40 peratus daripada jumlah pelaburan KWSP adalah pelaburan patuh syariah.

KWSP mempunyai seramai 14.45 juta ahli dengan 6.74 juta adalah ahli aktif sehingga September tahun lalu.

Sementara itu, Shahril Ridza pada forum sesi penutup, berkata Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) mempunyai kesan yang positif dalam tempoh jangka panjang.

"TPPA benar-benar berkesan dari segi struktur dan landskap komuniti. Perdagangan bebas adalah sesuatu yang amat dialu-alukan oleh kita," katanya.

**16. Asas ekonomi Malaysia mapan - PM**

*PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak berucap ketika menghadiri program 'Invest Malaysia 2016' di Hotel Shangri La. - Foto Asyraf Hamzah*

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyangkal dakwaan sesetengah pihak yang tidak berpuas hati melihat kejayaan ekonomi Malaysia dengan mengatakannya bermasalah.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata pihak tidak berpuas hati berkenaan juga bertindak melanggar prinsip dengan membawa kuasa asing untuk mencampuri hal ehwal dalam negara.

"Seseorang yang sepatutnya lebih mengetahui mengenai perkara ini kini bercakap memburuk-burukkan Malaysia. Hakikatnya, mereka lebih mengetahui. Ekonomi Malaysia berdaya tahan, mapan dan inklusif.

"Ringgit dilihat sebagai mata wang Asia paling kukuh sehingga saat ini. Ia mungkin memerlukan lawan politik saya yang mengatakan jika saya meneruskan tugas saya (sebagai Perdana Menteri) nilai ringgit akan jatuh sehingga RM4.80 berbanding dolar, sedangkan nilainya kini RM3.88 per dolar," katanya ketika menyampaikan ucaptama pada Invest Malaysia 2016 di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Pengerusi Bursa Malaysia Berhad, Tan Sri Amirsham A Aziz.

Invest Malaysia 2016 yang berakhir hari ini dihadiri 2,200 delegasi terdiri daripada pembuat dasar, pengurus kewangan, pemimpin dan pengendali pemasaran.

Dalam ucapan sama, Najib berkata projek di bawah 1MDB seperti Tun Razak Exchange (TRX) dan Bandar Malaysia masih diteruskan, sekali gus menafikan tuduhan kehilangan RM42 bilion.

"Untuk tahun akan datang, akan wujud legasi sebenar 1MDB. Sejarah akan membuktikan tuduhan berbaur motivasi-politik memalukan untuk mengguling kerajaan demokrasi adalah palsu," katanya.



Selasa, 12 April 2016

### 17. Eksport Malaysia dijangka kukuh sepanjang 2016

KUCHING: Eksport Malaysia dijangka terus berkembang tahun ini walaupun berdepan pelbagai cabaran berikutan ketidaktentuan ekonomi di peringkat global.

Ketua Pegawai MATRADE, Datuk Dzulkifli Mahmud, berkata dalam usaha mengekalkan prestasi eksport negara, 150 program strategik dirangka tahun ini, masing-masing 85 misi promosi perdagangan dan 65 program pembangunan eksport.

"Bagi 2016, tumpuan kita untuk menyaksikan pertumbuhan mapan eksport negara walaupun menghadapi cabaran ekonomi globalisasi dan liberalisasi pasaran.

"Justeru, kita merangka program strategik ini bagi menampung keperluan itu, termasuk pengajuran Hari Eksport 2016 bagi meningkatkan penyertaan pengeksport tempat, selain membantu mereka meneroka lebih banyak pasaran baharu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Hari Eksport Sarawak 2016 yang disempurnakan Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan sebagai mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem. Hadir sama, Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Sarawak (SCCI), Datuk Abang Karim Abang Openg.

Dzulkifli ketika mengulas lanjut, berkata tahun ini, pihaknya turut memberi tumpuan terhadap pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dikenal pasti berpotensi meningkatkan prestasi eksport Malaysia.

Pada masa sama, katanya, syarikat tempatan juga digesa memanfaatkan platform e-dagang dengan menyasarkan sektor bernilai tinggi termasuk minyak dan gas, selain aeroangkasa, maritim, perubatan, elektrik, elektronik, pembinaan serta perkhidmatan profesional.

"Pada 2015, Malaysia mencatatkan perdagangan luar berjumlah RM1.47 trilion, dengan keseluruhan nilai eksport mencecah RM765.4 bilion tahun lalu. Kita yakin melalui pendekatan strategik ini,

"Malaysia mampu mengekalkan kedudukannya sebagai antara pemain utama perdagangan dunia," katanya.



Rabu, 13 April 2016

#### **18. IMF turunkan lagi unjuran pertumbuhan ekonomi global**

WASHINGTON: Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) memberi amaran akan risiko dasar pemenciran politik, khususnya berhubung kemungkinan Britain keluar daripada Kesatuan Eropah, selain risiko peningkatan ketidakseimbangan ekonomi ketika ia merendahkan unjuran pertumbuhan ekonomi global buat kali keempat dalam tempoh 12 bulan.

Menjelang mesyuarat tahunan musim bunga IMF dan Bank Dunia di Washington, D.C. minggu ini, IMF berkata ekonomi global begitu terdedah kepada kejutan seperti penilaian semula yang mendadak ke atas mata wang dan konflik geopolitik yang bertambah buruk.

Dalam Tinjauan Ekonomi Dunia terbitan terbaru, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global sebanyak 3.2 peratus tahun ini, berbanding unjuran 3.4 peratus yang dibuat pada Januari.

Anggaran pertumbuhan juga adalah lebih rendah pada Julai dan Oktober tahun lalu.

Bagi 2017, IMF berkata ekonomi global dijangka berkembang 3.5 peratus, 0.1 peratus lebih rendah daripada anggaran Januari.

Dalam laporan terkini itu ia menyebut kesan limpahan yang lebih buruk daripada kelembapan ekonomi China selain impak harga rendah minyak mentah ke atas pasaran membangun seperti Brazil.

Ia juga mengetengahkan kelemahan ekonomi berterusan di Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat.

Gambaran yang lebih suram itu mendorong IMF dan Bank Dunia mengadakan mesyuarat minggu ini bagi menyelaras tindakan global untuk menyokong pertumbuhan.

"Secara ringkas, pertumbuhan yang lebih perlahan bermakna lebih kecil ruang untuk membuat kesilapan," kata ketua pakar ekonomi IMF, Maurice Obstfeld, pada sidang media awal pagi tadi. - Reuters



**19. Tony Pua cabar Arul Kanda berdebat**

SHAH ALAM: Setiausaha Publisiti DAP Kebangsan, Tony Pua mencabar Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda, untuk berdebat.

Tony yang juga Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, berkata walaupun siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati Datuk Seri Najib Razak tidak terbabit secara langsung dalam pengurusan 1MDB, namun masih terdapat beberapa perkara yang meragukan serta perlu dijelaskan kepada rakyat.

"Saya cabar Arul untuk berdebat dengan saya di dalam televisyen dan biar rakyat mendengar serta menilai sendiri. Masih banyak persoalan yang perlu dijelaskan. Keputusan PAC tidak menggambarkan keadaan sebenar 1MDB.

"Ketika Arul dipanggil memberi penjelasan kepada PAC, beliau (Arul) sebenarnya gagal memberi penjelasan serta agak ragu mengenai beberapa perkara.

"Sekarang ini laporan PAC sudah keluar, jadi kita boleh berdebat di depan rakyat," katanya ketika menjadi ahli panel dalam forum 'Laporan PAC 1MDB- bersubahat atau tidak bersalah' di sini, sebentar tadi.

Ahli panel lain ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli dan Pengarah Eksekutif SUARAM, Cynthia Gabriel.

**20. 'Bahasa Melayu mahkamah umpama melepas batuk di tangga'**

BANGI: Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Abdul Adzis Abas menegur penggunaan bahasa Melayu dalam mahkamah yang diibaratkannya umpama melepaskan batuk di tangga.

Abdul Adzis berkata, walaupun kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperuntukkan secara jelas di bawah Perkara 152, Perlembagaan, amalan penggunaannya di mahkamah masih tidak memuaskan kerana dicemari dengan penggunaan bahasa Inggeris.

"Penggunaan bahasa Melayu di mahkamah tidak boleh dipertikaikan seperti diwartakan dalam Perlembagaan.

"Bagaimanapun, ia kurang memuaskan kerana masih terdapat perbicaraan yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris dengan alasan kurang istilah atau tiada kamus rujukan dalam bahasa Melayu dalam bidang perundangan," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Perbicaraan Peringkat Kebangsaan 2016 di Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UKM, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal; Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP, Padilah Ali dan Yang Dipertua Majlis Peguam Malaysia (MPM), Steven Thiru.

Sementara itu, Thiru berkata, pertandingan yang julung kali diadakan itu selari dengan matlamat Jawatankuasa Bahasa Melayu (JBM), MPM bagi memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan.

"Saya menaruh harapan yang tinggi kepada peguam muda, pelatih dalam kamar (chambers) dan pelajar jurusan undang-undang di universiti awam (UA) dan swasta menimba pengalaman daripada pertandingan ini."

Dalam menjalankan kes, bahasa yang digunakan oleh saksi amat penting.

"Jika saksi ingin bercakap dalam bahasa Melayu, peguam tidak boleh memberikan sebarang alasan untuk menggunakan bahasa selainnya," katanya.

Pada acara anjuran DBP dengan kerjasama Fakulti Undang-undang UKM itu dua kategori utama dipertandingkan, iaitu Kategori A bagi pelajar pascasiswazah Undang-undang dan Kategori B bagi pelatih dalam kamar serta peguam muda dengan maksimum dua tahun pengalaman.

Kategori A didominasi kumpulan pelajar Universiti Malaya (UM) yang mengungguli tempat pertama dan kedua, manakala tempat ketiga diraih pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Bagi Kategori B pula johan dinobatkan kepada Jawatankuasa Peguam Pahang; tempat kedua, Jawatankuasa Peguam Terengganu dan tempat ketiga Jawatankuasa Peguam Selangor.

Johan bagi setiap kategori menerima wang tunai RM3,000; tempat kedua (RM2,000) dan tempat ketiga (RM500), selain mendapat buku terbitan DBP dan sijil penghargaan.

Pertandingan berkenaan diadakan dengan matlamat memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam bidang kehakiman dan undang-undang dalam negara.



Ahad, 17 April 2016

### 21. Isu RM2.6b: Penjelasan Saudi suatu kemenangan besar – Adenan

SIBU: Penjelasan Arab Saudi mengenai status derma RM2.6 bilion baru-baru ini disifatkan sebagai 'kemenangan besar' dalam usaha membersihkan nama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Kerajaan Malaysia berhubung isu berkenaan.

Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem turut menyifatkan perkara itu mampu mengembalikan keyakinan rakyat di peringkat akar umbi terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Najib.

"Terbukti Perdana Menteri tidak terbabit dalam isu berkenaan, ...semua sudah dijelaskan oleh kerajaan Arab Saudi. Di Sarawak, kita amat gembira dan bersyukur dengan perkembangan, malah ia begitu bermakna dalam keadaan kita bakal menghadapi Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11).

"Kita sudah dimaklumkan perkara yang sebenarnya, ...rakyat sudah tahu apa sebenarnya berlaku. Justeru, kita yakin ia mampu meningkatkan sokongan terhadap BN.

"Kita sudah ada enam Perdana Menteri tetapi Najib yang paling dekat di hati 'Anak Sarawak'. Sudah 50 kali sepanjang enam tahun menjadi Perdana Menteri, beliau melawat Sarawak hingga ke segenap pelusuk negeri dengan membawa bersama pelbagai projek pembangunan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak merasmikan Fasa Keempat Projek Lebuhraya Pan Borneo - Pakej Tajaran Simpang Bintangor - Jambatan Sungai Kua, di sini, hari ini.



Isnin, 18 April 2016

## 22. 1MDB jelaskan hutang RM2b lebih awal

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjaya menyelesaikan kemudahan pinjaman daripada Marstan Investments N.V sebanyak RM2 bilion dengan pembayaran penuh dilakukan lebih awal daripada tarikh pembayaran balik.

Syarikat itu menjelaskan, kemudahan pinjaman diperoleh pada Februari 2015 dan hasil kutipan digunakan untuk membayar hutang RM2 bilion kepada bank tempatan.

"Kemudahan pinjaman itu diatur untuk 1MDB oleh syarikat jana kuasa bebas, Tanjong Energy Holdings, sebagai alternatif kepada komitmen Tanjong Energy Holdings untuk melabur RM2 bilion ekuiti dalam anak syarikat 1MDB, Powertek Investment Holdings Sdn. Bhd.

"Pembayaran balik ini menandakan satu lagi peristiwa penting dalam pelan rasionalisasi 1MDB dan mengurangkan lagi obligasi hutang jangka pendek 1MDB," katanya dalam satu kenyataan hari ini



Rabu, 20 April 2016

## 23. 1MDB sedia bantu siasatan pihak berkuasa asing

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) mengulangi kesediaannya untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa asing bagi membantu sebarang siasatan berkaitan syarikat berkenaan.

Bagaimanapun, ketika ini syarikat itu belum dihubungi mana-mana pihak berkuasa asing berhubung siasatan itu," kata Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan, Arul Kanda Kandasamy.

"Kami secara jelas dan terbuka telah menyatakan yang jika kami dihubungi atau diminta untuk membantu, kami akan bekerjasama sepenuhnya, tertakluk kepada protokol antarabangsa berkaitan hal-hal seperti itu," katanya dalam temubual Bloomberg TV Malaysia pada Selasa.

Beliau ditanya sama ada 1MBD akan memberi bantuan atau penjelasan kepada mana-mana pihak berkuasa antarabangsa jika diminta, selepas beberapa negara dilaporkan sedang menyiasat syarikat dana pelaburan negara itu.

Kepada soalan mengenai obligasi kewangannya, Arul Kanda berkata, beliau menjangka pembayaran faedah akan dibuat kepada pemegang bonnya ketika ia memasuki tempoh penangguhan lima hari.

Menghadapi risiko kemungkiran bon, beliau menegaskan yang lebih tunai semasa 1MDB kini berjumlah kira-kira AS\$550 juta (RM2.12 bilion) atau 11 kali ganda AS\$50 juta (RM192.5 juta) sebagai faedah yang perlu dijelaskan pada 18 April.

Syarikat itu kini dalam pertikaian dengan dana kekayaan negara Abu Dhabi, International Petroleum Investment Company (IPIC), yang sebelum ini bersetuju membayar fedah ke atas bon terlibat.

Arul Kanda berkata, beliau mengharapkan satu penyelesaian yang baik



Rabu, 20 April 2016

#### **24. Suntikan RM20 juta untuk skim pinjaman PKBC**

**PUTRAJAYA:** Kerajaan meluluskan dana baharu berjumlah RM20 juta menerusi Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina (PKBC) untuk tahun ini bagi membantu penduduk kampung itu terutama golongan B40 membayar premium tanah, membiayai perniagaan mikro dan menaik taraf rumah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersetuju meneruskan program dilaksanakan sejak 2011 itu, selepas sambutan diterima sebelum ini amat menggalakkan.

Ka Siong berkata, sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) iaitu dari tahun 2011 hingga 2015, kerajaan sudah menyalurkan peruntukan sebanyak RM100 juta kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk melaksanakan skim itu.

"Dalam lima tahun pelaksanaannya, sebanyak RM173 juta sudah sudah diluluskan kepada 5,286 orang. Kadar hutang tidak berbayar yang dicatatkan adalah 3.24 peratus saja.

"Disebabkan sambutan menggalakkan dan kadar hutang tidak berbayar yang rendah, saya membawa perkara ini kepada Perdana Menteri supaya ia diteruskan dalam RMKe-11 bagi membolehkan lebih ramai penduduk Kampung Baru khususnya golongan B40 mendapat manfaat," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Beliau berkata, penduduk Kampung Baru yang berkelayakan disaran mendapatkan maklumat lanjut daripada BSN berdekatan mulai 1 Mei ini.

## 25. Bekas Setiausaha KBS ditahan semula kes pengubahan wang haram

KUALA LUMPUR: Empat individu termasuk bekas Setiausaha Bahagian Kementerian Belia dan Sukan yang pernah didakwa menyeleweng dana kerajaan ditahan semula oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sumber berkata, penahanan kali ini adalah dipercayai akibat aktiviti pengubahan wang haram bernilai lebih RM17 juta.

Selain pegawai kerajaan itu, tiga individu lain yang ditahan ialah sepasang suami isteri dan seorang lelaki.

"Mereka yang ditahan ini pernah didakwa berkaitan kes salah guna kedudukan dan membuat tuntutan palsu membabitkan nilai RM38.4 juta.

"Tiga lagi suspek berkerja sebagai kontraktor dan pemilik syarikat yang berusia antara 35 hingga 57 tahun," katanya, di sini, tadi.

Semua mereka ditahan di Ibu Pejabat SPM Putrajaya dalam operasi bermula 3.30 petang hingga 6.30 petang.

Suspek dijangka didakwa di bawah Seksyen 4(1) AMLATFA 2010 di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur, esok.

**26. Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera: 20 kementerian capai KPI 100 peratus**

*PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyaksikan pertukaran dokumen persefahaman antara Ketua Eksekutif SME Corp, Datuk Dr Hafsa Hashim (dua dari kiri) dengan Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad (kanan) pada majlis Pertukaran Dokumen Program Galakan Ekspor Bumiputera (GEB) di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, hari ini. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor*

PUTRAJAYA: Sebanyak 20 kementerian mencapai sasaran 100 peratus bagi 98 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi 2015, manakala lima lagi kementerian mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata perkara itu dimaklumkan pada Mesyuarat Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan beliau di Perdana Putra di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, antara pencapaian utama yang dicapai selepas pelaksanaan KPI itu tahun lalu termasuk bilangan syarikat vendor dan 'anchor' dalam Program Pembangunan Vendor ditingkatkan daripada 68 syarikat pada 2014 kepada 90 syarikat pada 2015.

Pemilikan harta tanah komersial di kawasan strategik oleh usahawan Bumiputera serta peningkatan nilai aset menerusi Skim Penyewaan serta Pemilikan Hartanah pula mencatat pencapaian 98.3 peratus.

"Selain itu, nilai kontrak sebanyak RM4.1 bilion (kumulatif) diberikan kepada kontraktor Bumiputera bagi menjayakan projek Jalur Lebar BerkelaJuam Tinggi dan pemindahan teknologi kepada Bumiputera dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM120.8 juta dan penjenamaan nilai pasaran sebanyak RM2.3 bilion," katanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat MEB di sini.

Perdana Menteri berkata, bagi memastikan KPI PEB selari dengan Rancangan Malaysia Ke-11, antara KPI yang ditetapkan tahun ini termasuk mencapai 50.6 peratus nilai kontrak Bumiputera (2017) berbanding keseluruhan kos projek dalam MRT 1 dan mencapai 25 peratus nilai kontrak Bumiputera berbanding kos keseluruhan projek Menara Permodalan Nasional Berhad (PNB) 118 (Warisan Merdeka).

"Selain itu, 30 peratus agihan kepada kontraktor Bumiputera dalam projek pembinaan lebuh raya utama dan satu penghasilan kajian pembangunan kerangka operasi serta pelan perniagaan Perbadanan Wakaf Nasional Bhd," katanya.



Ismi, 25 April 2016

### 27. MPC laksana Program Transformasi Lean

KUALA LUMPUR: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sedang melaksanakan Program Transformasi Lean bagi membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini meningkatkan produktiviti.

Ketua Pengarah MPC, Datuk Mohd Razali Hussain, berkata program itu dilaksanakan tahun ini dengan kerjasama SME Corporation Malaysia (SME Corp) membabitkan 70 syarikat PKS.

Katanya, perbadanan itu menggunakan metodologi program Lean Six Sigma (LSS) yang dilaksanakan Sime Darby Bhd sejak tiga tahun lalu untuk membantu PKS di negara ini meningkatkan produktiviti mereka.

Beliau berkata, program LSS adalah strategi pengurusan perniagaan yang bertujuan meningkatkan pendapatan, mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti produk menerusi pembasmian pembaziran.

"Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun bermula tahun ini. SME Corp menyediakan dana RM5 juta bagi melaksanakan program ini," katanya kepada BH ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Mengenai kriteria yang diutamakan untuk menjadi peserta Program Transformasi Lean PKS, Razali berkata, peserta mestilah syarikat PKS dengan keutamaan kepada syarikat yang terbabit dalam sektor makanan, pengilangan dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya, dengan mengikuti program transformasi itu, peserta perlu mengikuti program mengubah set minda, diajar menggunakan kaedah LSS dan menentukan proses pemulihan yang akan dilaksanakan mereka.

"Kami mendapatkan kerjasama Sime Darby dalam membangunkan pelan hala tuju meningkatkan produktiviti PKS menerusi pelaksanaan program LSS.

"Kami akan membuat pengukuran (prestasi) PKS sebelum dan selepas menyertai program transformasi ini. Kemudian, kami akan mengesahkan peningkatan yang dicatatkan PKS," katanya.

Razali menambah, apabila program itu selesai dilaksanakan kelak, MPC akan mengadakan sesi perkongsian pengalaman 70 syarikat PKS yang terbabit program berkenaan dengan PKS lain dalam meningkatkan produktiviti mereka.

Lean merujuk kepada kumpulan prinsip dan kaedah yang berfokus untuk mengenal pasti serta menghapuskan aktiviti tidak bernilai tambah menerusi kemajuan berterusan produk untuk manfaat



Rabu, 27 April 2016

#### 28. PSMB kesan 67 penyelewengan babitkan RM1.17 juta



*Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Adenan Abdul Rahman.*

KUALA LUMPUR: Sebanyak 67 kes tuntutan palsu dan penipuan dalam kalangan majikan serta penyedia latihan berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dikesan sejak tahun 2014.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Adenan Abdul Rahman, berkata ia membabitkan nilai RM1.17 juta dalam kalangan 44 majikan dan 13 syarikat penyedia latihan.

Katanya, sebanyak 49 kes dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan tiga syarikat penyedia latihan dikenakan hukuman denda dan penjara oleh mahkamah.

"Siasatan Bahagian Penguatkuasaan PSMB mendapati 67 kes tuntutan palsu dan penipuan disiasat mengikut Seksyen 40 dan Seksyen 41 Akta PSMB 2001.

"Kementerian memandang serius perkara ini dan PSMB akan mengambil tindakan tanpa kompromi dengan mana-mana pihak yang menyeleweng.

"Tindakan tegas seperti menyenarai hitam dan menarik semula lesen pihak yang bersalah turut dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media majlis bacaan dan menandatangani ikrar integriti oleh penyedia latihan berdaftar dengan PSMB di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM, Datuk Mohamad Yusoff Akope dan Ketua Eksekutif PSMB, Datuk CM Vignaesvaran Jeyandran.

Terdahulu, seramai 200 penyedia latihan berdaftar dengan PSMB dari ibu negara dan Selangor membaca serta menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) sebagai akuanji memantapkan budaya integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam perkhidmatan.

Jeyandran berkata, pihaknya merancang memperluaskan CIP kepada semua 2,700 penyedia latihan berdaftar dengan PSMB, selain mewajibkan penyedia latihan baharu menandatangani ikrar berkenaan.